

HEGEMONI SRIVIJAYA-SUVARNABHUMI DI NUSANTARA: KESANNYA KEPADA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN PERDAMAIAN DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU*

**Nasha Rodziadi Khaw
Nazarudin Zainun
Tarmiji Masron
Zulkifli Jaafar**

Pendahuluan

Kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi merupakan dua buah empayar Maritim yang meluaskan hegemoni mereka di pesisir Selat Melaka dari kurun ke-7 hingga ke kurun ke-13 Masehi. Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang wujud dari kurun ke-7 hingga ke kurun ke-8 Masehi, manakala Kerajaan Suvarnabhumi yang berpusat di Jambi pula mula berkembang dari kurun ke-9 hingga ke-13 Masehi. Substruktur ekonomi kedua-dua kerajaan tersebut banyak bergantung kepada kebolehan mereka untuk mengawal laluan perdagangan di perairan Nusantara yang merangkumi Teluk Bengal, Selat Melaka dan Laut China Selatan. Kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi menjana kuasa ekonomi dan politik mereka melalui monopoli perdagangan komoditi tempatan dengan China dan India.

Kerajaan Srivijaya telah menguasai kawasan pantai Timur Sumatera dan Kedah Tua hingga kurun ke-8 Masehi. Selepas kemerosotan kerajaan Srivijaya, pusat kekuasaan talasokrasi Srivijaya telah berpindah dari Palembang ke Malayu-Jambi. Di Malayu-Jambi, telah wujud sebuah empayar maritim yang menjadi kesinambungan kepada Srivijaya iaitu kerajaan Suvarnabhumi. Empayar

* Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian melalui Geran Universiti Penyelidikan [RU] Universiti Sains Malaysia – 1001/PHUMANITI/816074, bertajuk “Kerajaan-Kerajaan Melayu Yang Hilang [Kurun Ke-3 Hingga Ke-13 Masehi]: Dari Segenting Kra Ke Tanjung Piai – Satu Kajian Sosioekonomi dan Lokasi”.

tersebut kurun ke-9 dan ke-10 Masehi telah menguasai kawasan pesisir Selat Melaka yang merangkumi pantai Timur Sumatera dan pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu.¹ Walaupun ketika Suvarnabhumi telah berada di zaman ambang kejatuhannya pada kurun ke-13 M, ia masih menguasai kebanyakan kota-kota utama di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, dan Jawa Barat.² Walau bagaimanapun, selepas kurun ke-13 Masehi, dengan kemerosotan Suvarnabhumi, satu persatu kerajaan-kerajaan jajahannya melepaskan diri lalu membentuk entiti-entiti politik yang bebas.

Kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi telah menjalankan hubungan diplomatik dengan China, dan ini dapat dilihat melalui ufti-ufti yang dihantar oleh kedua-dua empayar maritim tersebut. Sekurang-kurangnya enam ufti telah dihantar secara berturutan³ oleh kerajaan Srivijaya yang disebut sebagai Shih-Li-Fo-Shih dalam catatan China. Kerajaan Suvarnabhumi pula telah menghantar sekurang-kurangnya 19 ufti dari tahun 904M hingga 1097M.⁴ Penghantaran ufti-ufti tersebut menunjukkan pengiktirafan China terhadap hegemoni mereka di Nusantara.⁵

Semenanjung Tanah Melayu yang merupakan sebahagian daripada empayar tersebut memainkan peranan yang penting di dalam perluasan hegemoni kedua-dua kuasa tersebut. Lokasinya yang strategik, serta kekayaannya dengan pelbagai sumber bumi menyebabkan ia secara berterusan dikuasai dari segi ekonomi dan politik oleh empayar-empayar yang dominan ketika itu. Semasa zaman hegemoni Srivijaya dan Suvarnabhumi, kesemua negara kota di Semenanjung Tanah Melayu dari Segenting Kra di Utara

¹ K. A. Nilakantha Sastri, *History of Srivijaya (Sir William Meyer Lecture, 1946-47)*, Madras: University of Madras, 1949, hlm. 62-4.

² K. A. Nilakantha Sastri, *History of Srivijaya*, hlm. 90.

³ K. A. Nilakantha Sastri, "Srivijaya", hlm. 245 dan 252.

⁴ Slamet Muljana, "San-Fo-Tsi", *The Nanyang University Journal*, Vol. IV, 1970, hlm. 117; K. A. Nilakantha Sastri, *History of Srivijaya*, hlm. 70.

⁵ Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainin, "Hubungan Ufti Srivijaya-Suvarnabhumi dan Mataram dengan China: Satu Cerminan Sosioekonomi dan Politik Nusantara (670M-1097M)", dalam *Jurnal Ilmu Kemasyarakatan*, Vol. 14, 2007, hlm. 9-11.

hinggalah ke Tanjung Piai di Selatan telah dipasifikasi, dan menjadi sebagai daripada empayar maritim tersebut.

Kebangkitan empayar Srivijaya dan Suvarnabhumi telah membawa kepada pelbagai bentuk kesan terhadap keadaan politik dan sosioekonomi terhadap kota-kota pelabuhan yang ditaklukinya di Nusantara, seterusnya terhadap suasana politik dan Sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu. Makalah ini akan cuba membincangkan kesan kebangkitan kerajaan Srivijaya-Suvarnabhumi terhadap pembangunan sosiekonomi dan perdamaian di Semenanjung Tanah Melayu.

Suasana Politik Nusantara kurun ke-6 hingga ke-7 Masehi

Bermula daripada kurun ke-2 Masehi hingga ke pertengahan kurun ke-6 Masehi, empayar Funan merupakan satu kuasa maritim yang dominan yang mengawal kota-kota pelabuhan di pesisir laut China Selatan dan Teluk Bengal yang merupakan laluan perdagangan utama ketika itu.⁶ Walau bagaimanapun, bermula pada pertengahan kurun ke-6 Masehi, Empayar Maritim Funan mulai merosot apabila ia diserang dan ditakluk oleh kerajaan Chen-La.⁷ Dengan kemerosotan kerajaan Funan, kota-kota pelabuhan yang pernah menjadi sebahagian daripada taklukannya di Semenanjung Tanah Melayu mula membebaskan diri dan menghantar ufti-ufti ke China.⁸ Pada masa yang sama, telah mula muncul kota-kota pelabuhan lain di kawasan kepulauan seperti Po-Li, Mo-Lo-Yu dan Kan-To-Li yang mula berfungsi sebagai pelabuhan-pelabuhan utama di Selat Melaka.

Dari kurun ke-6 hingga ke-7 Masehi merupakan satu jangkamasa apabila tidak wujud sebarang kuasa dominan di perairan nusantara. Zaman tersebut

⁶ Kota-kota pelabuhan tersebut termasuklah Tun Sun, Pan Pan, Tambralinga, dan Kedah Tua. Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961, hlm. 285-7.

⁷ George Coedes, *The Indianised States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya, hlm. 65.

⁸ Lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 118-9.

merupakan satu zaman peralihan, iaitu selepas kejatuhan empayar Funan dan sebelum kebangkitan empayar Srivijaya.

Pada kurun ke-6 M, sumber-sumber China melaporkan kedatangan utusan-utusan dari Kerajaan Kan-To-Li yang terletak di Palembang pada tahun 502, 518, 520, 560, dan 563.⁹ Setelah tahun 563, tiada lagi ufti dihantar dari Kan-To-Li. Mo-lo-yu yang menghantar ufti pada 644 dan 645 Masehi pula merupakan kerajaan Maritim di Tenggara Sumatera.¹⁰ Kerajaan Malayu terletak di sekitar muara Sungai Batang Hari ataupun di kota Jambi.¹¹ Ufti-ufti yang dihantar dari negara-negara kota lain di nusantara ke China, seperti kerajaan Pan-Pan, Kedah Tua, Langkasuka, Tan-Tan, Ko-Lo-She-Fen dan P'o-Li.¹² Ufti-ufti yang dihantar tersebut jelas menunjukkan bahawa kota-kota tersebut buat sementara waktu telah wujud sebagai kota-kota yang berdaulat.¹³

Dengan ketiadaan satu kuasa talasokrasi yang tunggal, setiap satu negara kota mempunyai sistem pentadbiran tersendiri. Hal ini dapat dilihat di dalam rekod-rekod dari zaman Dinasti Sui dan T'ang. Kerajaan-kerajaan seperti Ch'ih Tu, Tan-Tan, Pan-Pan, Kedah Tua, Kalasapura, Melayu-Jambi dan Kan-To-Li telah mula memiliki unit-unit pentadbiran dan pemerintah tersendiri. Dengan wujudnya entiti politik bebas, setiap satunya sudah semestinya mengamalkan dasar yang berbeza antara satu sama lain untuk menjaga kepentingan dan kedaulatan masing masing. Hal ini seterusnya membawa kepada keadaan persekitaran politik yang tidak menentu dan bersifat anarkis.

⁹ Marwati Djoened Poesponegoro dan Nugroho Notosusanto, *Sejarah Nasional Indonesia, Jilid II*, Jakarta: PN Balai Pustaka, 1984, hlm. 19.

¹⁰ Lebih lanjut lihat Slamet Muljana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, hlm. 111; Marwati Djoened Poesponegoro dan Nugroho Notosusanto, *Sejarah Nasional Indonesia, Jilid II*, hlm. 81 dan O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia: Satu Kajian Asal Usul Kerajaan Srivijaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 282.

¹¹ Slamet Muljana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi* Jakarta: Yayasan Idayu, 1981, hlm. 42.

¹² Paul Wheatley, *Golden Khersonese*, hlm. 119 dan O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia*, hlm. 265.

¹³ Paul Wheatley, *Golden Khersonese*, hlm. 289.

Ketiadaan satu bentuk pemerintahan yang berpusat pada ketika itu seterusnya menyebabkan ketiadaan satu bentuk keseragaman di dalam suasana ekonomi, terutamanya dari segi perdagangan pada ketika itu. Hal ini kerana setiap satu kota pelabuhan mengamalkan dasar ekonomi yang akan menguntungkan pelabuhan mereka sahaja, dan sudah semestinya dasar tersebut adalah berbeza-beza. Dari segi pergerakan komoditi pula, interaksi antara *feeder port* dan *entreport* hampir tidak wujud.

Hal ini kerana perlu wujud satu kuasa pusat yang dapat mengatur fungsi dan peranan pelabuhan-pelabuhan tersebut. Dengan ketiadaan kuasa pusat yang mengawal pergerakan komoditi, komoditi tersebut akan didagangkan dengan sewenang-wenangnya oleh kota-kota yang bebas, tanpa wujud satu pusat khas tempat terkumpulnya semua komoditi. Hal ini kerana setiap pelabuhan yang wujud ketika itu menjana keuntungan dengan memperdagangkan komoditi di pelabuhan mereka sendiri.

Dengan kewujudan negara-negara kota tersebut sebagai entiti politik yang berasingan, sudah semestinya mereka akan wujud sebagai unit-unit politik yang kecil dan lemah. Substruktur ekonomi yang lemah menyebabkan perkembangan sosiobudaya seperti kesenian kota-kota pelabuhan tersebut turut menjadi terhad. Hal ini dapat dilihat melalui penemuan arkeologi yang dapat dikaitkan dengan kebudayaan tempatan sebelum kurun ke-7 Masehi di tapak-tapak pesisir Selat Melaka. Hal ini dapat dibuktikan melalui penelitian terhadap jumpaan arkeologi di Selatan Thai, Lembah Bujang, dan kawasan pantai timur Sumatera. Diperhatikan bahawa penemuan-penemuan arkeologi yang dapat dikaitkan dengan kesenian tempatan dalam jangka masa ini adalah agak terhad.

Suasana politik dan sosioekonomi di antara kurun ke-6 hingga ke-7 Masehi, iaitu sebelum kebangkitan kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi diperhatikan berada di dalam keadaan tidak menentu. Hal ini berpunca daripada ketiadaan satu kuasa pusat yang mampu untuk menyatukan kota-kota

pelabuhan, dari segi politik, dan juga dari segi ekonomi. Oleh yang demikian, ketiadaan satu kuasa yang dominan membawa kepada kewujudan entiti-entiti politik yang bebas, kecil dan lemah yang setiap satunya tidak mampu untuk membawa kepada satu bentuk kestabilan serantau di nusantara.

Perkara yang sama sudah semestinya berlaku di Semenanjung Tanah Melayu, apabila wujud rekod-rekod China mengenai ufti yang dihantar oleh kota-kota pelabuhan tersebut. Rekod-rekod tersebut menunjukkan kewujudan sistem pentadbiran mereka sendiri. Dari segi ekonomi pula, kota-kota tersebut cuma mengeluarkan hasil-hasil hutan yang diperdagangkan di pelabuhan mereka.

Hegemoni Kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi

Kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi telah memulakan perkembangannya dengan mengamalkan dasar pasifikasi kota-kota pelabuhan di pesisir laluan perdagangan. Sebagai sebuah empayar maritim, kekuatan dan kekayaan kerajaan Srivijaya-Suvarnabhumi terletak kepada kebolehannya menguasai laut dan mengaut keuntungan daripada perdagangan antarabangsa di perairan Asia Tenggara.¹⁴ Keuntungan tersebut diperoleh sama ada melalui duti eksport dan import yang dikenakan terhadap kapal-kapal, monopoli terhadap komoditi tertentu, ataupun penglibatan pemerintah sendiri di dalam kegiatan perdagangan. Bagi mencapai matlamat tersebut, kota-kota pelabuhan yang memiliki kepentingan di dalam jaringan laluan perdagangan dipasifikasi dan dijadikan sebahagian daripada kerangka empayar perdagangan tersebut.

Negara-negara kota yang menjadi sebahagian daripada kerangka empayar maritim tersebut yang wujud hanya berbentuk petempatan pesisir pantai dan sungai. Mereka tidak mempunyai sumber manusia dan kekuatan politik yang cukup untuk mempertahankan kedaulatan masing-masing, apatah lagi untuk wujud sebagai sebuah entiti politik yang bebas. Kemakmuran kota-

¹⁴ J. C. van Leur, *Indonesian Trade and Society*, The Hague: Uitgeverij W. Van Hoeve, 1960. hlm. 86.

kota pelabuhan tersebut sangat bergantung kepada faktor persekitaran ekonomi serantau yang melibatkan perubahan dasar.

Proses pasifikasi melibatkan penguasaan kuasa pusat terhadap dasar ekonomi dan politik mereka. Kota-kota tersebut ini seterusnya berfungsi sebagai pelabuhan sokongan dan pos-pos kawalan yang menguatkuasakan dasar perdagangan empayar tersebut dengan mengawal pergerakan kapal-kapal dagang. Pelabuhan-pelabuhan tersebut turut berfungsi sebagai *feeder point* yang membekalkan komoditi-komoditi tempatan kepada pelabuhan utama empayar tersebut. Hal ini sekali gus menambahkan lagi kapasiti perdagangan mereka.

Kebergantungan Kerajaan Srivijaya-Suvarnabhumi terhadap monopoli perdagangan di perairan Nusantara menyebabkan dasar peluasan wilayah yang diamalkan tidak bersifat nominal semata-mata. Penguasaan kuasa pusat terhadap kota-kota pelabuhan tersebut sudah semestinya melibatkan penguasaan tenaga manusia yang besar di dalam mengawal kota-kota yang kecil dan lemah tersebut. Ini adalah penting dalam memastikan bahawa dasar yang diamalkan kota yang dijajah bertepatan dengan kepentingan ekonomi empayar tersebut.

Dengan bermulanya penguasaan Srivijaya dan seterusnya kerajaan Suvarnabhumi, telah berlaku perubahan politik dan sosioekonomi yang ketara di kawasan Semenanjung Tanah Melayu.

Sosioekonomi Semenanjung Tanah Melayu di bawah Srivijaya dan Suvarnabhumi

Selepas kebangkitan kuasa talasokrasi Srivijaya, tiada lagi ufti-ufti dihantar dari kota-kota pelabuhan dari Semenanjung Tanah Melayu. Ufti yang terakhir di hantar adalah dari Kerajaan Tan-Tan iaitu pada tahun 669 M.¹⁵

¹⁵ Paul Wheatley, *Golden Khersonese*, hlm. 119.

Ketiadaan ufti dari kota-kota pelabuhan tersebut menunjukkan bahawa kerajaan Srivijaya yang bermula pada tahun 672 M telah menakluk kota-kota pelabuhan tersebut. Negara-negara kota tersebut yang telah hilang kedaulatan tidak lagi berhak untuk menghantar ufti ke China dan menjadi sebahagian daripada empayar Srivijaya.

Bermula dari penghujung kurun ke-7 Masehi, telah mula wujud satu sistem politik yang teratur di Semenanjung Tanah Melayu apabila kesemua kotanya merupakan sebahagian daripada unit pentadbiran Srivijaya. Walaupun masih belum ditemui rekod tentang bentuk pentadbiran Srivijaya di kawasan jajahannya, tetapi kemungkinan wujud "gabenor-gabenor" wilayah yang mentadbir bagi pihak Kerajaan Srivijaya.¹⁶ Kesetiaan daerah-daerah tersebut kepada pemerintahan pusat pula dijamin daripada pemberian anugerah yang wujud dalam bentuk emas oleh raja kepada gabenor-gabenor tersebut.¹⁷ Di samping itu, kota-kota jajahan Srivijaya menunjukkan kesetiaan mereka dengan menghantar ufti ke sana. Ini dibuktikan berdasarkan kepada rekod China apabila dinyatakan bahawa kerajaan Fo-Lo-An yang terletak di Kuala Berang menghantar ufti secara tahunan ke Srivijaya.¹⁸

Penguasaan Srivijaya di Semenanjung Tanah Melayu adalah begitu menyeluruh hinggalah sumber-sumber Arab melihat kerajaan Srivijaya dan Kalah sebagai sebuah kerajaan kembar.¹⁹ Kalah di sini kemungkinan merujuk kepada Kedah Tua, Takuapa, ataupun mungkin keseluruhan pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Penguasaan ini adalah penting supaya kedua-dua pantai yang mengadap Selat Melaka dapat dikawal. Kota-kota penting Srivijaya di seperti Kedah Tua, Chaiya, Grahi, dan Takuapa telah menjadi pusat pentadbiran Srivijaya di Semenanjung. Hal ini dibuktikan dengan penemuan

¹⁶ O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 14.

¹⁷ O. W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya*, hlm. 15.

¹⁸ Paul Wheatley, *Golden Khersonese*, hlm. 68-9.

¹⁹ K. A. Nilakantha Sastri, *History of Srivijaya*, hlm. 64.

pelbagai bentuk penemuan di tapak-tapak tersebut.²⁰ Penemuan-penemuan tersebut yang terdiri daripada monumen, arca dan prasasti menunjukkan bahawa hegemoni Srivijaya turut membawa kepada perkembangan kesenian di Semenanjung Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, kota-kota yang kurang penting di Selatan Semenanjung Tanah Melayu kemungkinan terus berperanan sebagai pembekal komoditi-komoditi ke pelabuhan Palembang. Walaupun masih belum wujud penemuan arkeologi di kawasan tersebut sepertimana yang ditemui di kawasan Utara semenanjung, kawasan ke Selatan semenanjung diketahui memiliki petempatan-petempatan pesisir pantai yang boleh berfungsi sebagai pos kawalan untuk mengawal laluan kapal. Ketiadaan penemuan arkeologi yang banyak mungkin disebabkan oleh lokasi Selatan Semenanjung Tanah Melayu yang terlalu dekat dengan pelabuhan entrepot Palembang.

Kesan politik Srivijaya di Semenanjung Tanah Melayu dapat dilihat di dalam perubahan politik di utara Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan Tambralinga pula diketahui bermula dengan zaman hegemoni kerajaan Srivijaya [682-742 Masehi]. Sumber penulisan utama yang menyebut tentang kerajaan tersebut ialah *Tao I Chih Lioh*. Walau bagaimanapun, berita mengenainya juga turut disebut di dalam penulisan-penulisan India kuno seperti *Maha Niddesa*²¹ [Tamali, kurun ketiga Masehi] dan Prasasti Chola²² [kurun ke-11 Masehi]. Kerajaan Tambralinga terletak di sekitar kawasan daerah Ligor di Selatan Thai. Zaman keagungan kerajaan Tambralinga pula ialah bermula dari kurun ke-10 Masehi hingga ke zaman kebangkitan kerajaan Sukhodaya [kurun ke-13 M]. Jadi penemuan prasasti-prasasti di sekitar kawasan tersebut mungkin dapat dikaitkan terus dengan kerajaan tersebut.

²⁰ MichelJacq-Hergoualc'h, *The Malay Peninsula: Crossroads of the Maritime Silk Road [100BC-1300AD]*, Leiden: Koninklijk Brill N. V. Leiden, 2002, hlm 240-7.

²¹ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 181.

²² Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 200.

Pada kurun ke-6 hingga ke-7 M, diketahui wujud dua buah kerajaan utama di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu Pan-Pan dan Tun Sun yang pernah menjadi sebahagian daripada Empayar Funan. Kota-kota ini seterusnya bebas buat sementara waktu, sehingga ke zaman kebangkitan Srivijaya.

Tidak seperti kerajaan-kerajaan lain yang pernah wujud di Semenanjung Tanah Melayu, kemungkinan besar kerajaan Tambralinga wujud hasil daripada percantuman dua kerajaan kecil tersebut. Seperti yang telah diketahui, kerajaan Tambralinga terletak di sekitar Ligor, yang juga dipercayai merupakan lokasi kepada kerajaan Pan-Pan dan Tun-Sun. Walau bagaimanapun, rekod tentang kedua-dua kerajaan itu terus lenyap selepas kebangkitan Dinasti T'ang dan Empayar Srivijaya. Sebaliknya, ia diganti dengan kerajaan Tambralinga. Hipotesis yang dapat dibuat di sini ialah apabila Srivijaya meluaskan hegemoninya ke Semenanjung Tanah Melayu, kedua-dua kerajaan itu diintegrasikan dari segi dasar ekonomi yang sama.

Penguasaan Srivijaya terhadap Semenanjung Tanah Melayu telah membawa kepada perkembangan pelabuhan-pelabuhan entrepot. Hal ini dapat diperhatikan melalui perkembangan Kedah Tua. Di Lembah Bujang, tidak ditemui banyak artifak yang dapat dipertarikhkan sebelum kurun ke-7 M. Hal ini kerana dalam jangkamasa tersebut, diperhatikan bahawa perkembangan Kedah Tua adalah agak terhad. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh dasar perdagangan kuasa maritim Funan yang memusatkan kepentingan-kepentingan perdagangannya di Oc-Eo melalui pasifikasi kota-kota pelabuhan yang lain. Para pengkaji percaya bahawa besar kemungkinan Kedah Tua pada masa ini cuma berfungsi sebagai *feeder points*²³ kepada pelabuhan Oc-Eo. Namun demikian keadaannya adalah berbeza di bawah dominasi Srivijaya.

²³ Feeder Port merupakan pusat-pusat tempat komoditi perdagangan dihasilkan atau dikumpul. *Entrepôt* pula merupakan tempat komoditi-komoditi perdagangan dari beberapa *Feeder Port* dikumpulkan dan diperdagangkan. Lihat Leong Sau Heng, "Collecting centres, Feeder Points and Entrepots in the Malay Peninsula" dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.), *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*, Singapore: University of Singapore Press, 1990, hlm. 29-30.

Bermula pada kurun ketujuh, perdagangan di Sungai Mas telah berkembang dengan pesat berdasarkan kepada jumpaan seramik zaman Tang [618-906 masihi] dalam kuantiti yang amat banyak. Sungai Mas terus berkembang sebagai sebuah pelabuhan yang penting berdasarkan kepada jumpaan seramik-seramik China zaman seterusnya sehingga kurun ke-11 masihi.²⁴ Perkembangan dari kurun ketujuh hingga kurun ke-10 adalah selari dengan perkembangan kuasa maritim Srivijaya yang merupakan kuasa perdagangan yang menguasai pelabuhan Kedah Tua. Kemungkinan dasar yang diamalkan oleh Srivijaya telah memungkinkan perkembangan pelabuhan tersebut.

Bermula pada kurun ke-10 Masehi pula, selaras dengan perkembangan kerajaan Suvarnabhumi di Malay-Jambi, diketahui telah mula berkembang pelabuhan Pengkalan Bujang. Hal ini dibuktikan dengan penemuan melalui jumpaan seramik-seramik dari zaman Sung.²⁵ Penemuan-penemuan lain termasuklah candi-candi Hindu-Buddha, longgokan seramik, arca dan manik.

Pengkalan Bujang terletak di Sungai Bujang, yakni salah satu cabang dari Sungai Merbok yang mempunyai muara jauh lebih luas dari Sungai Muda. Keadaan ini tentunya boleh memuatkan lebih banyak kapal untuk berlabuh dan berurusan dalam satu-satu masa. Oleh itu, salah satu daripada faktor perubahan pusat pelabuhan adalah disebabkan pelabuhan di Sungai Muda sudah tidak mampu lagi menampung jumlah kapal berlabuh yang semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa kegiatan perdagangan di kawasan ini menjadi semakin pesat bermula dari kurun ke-11 masihi.

²⁴ Seramik lain yang ditemui ialah seramik Song [960-1279 masihi], Lima Dinasti [907-960], dan tembikar batu Yueh, tembikar jenis Samarra dan Celadon Lung-Chuan. Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Kamarudin Zakaria, "Recent Archaeological Discoveries in Sungai Mas, Kuala Muda Kedah", dalam *JMBRAS*, Vol. LXVI, Part. 2, 1993, hlm. 78.

²⁵ Lihat Jane S. Allen, "Trade, Transportation and Tributaries: Exchange, Agriculture and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia", *Tesis Kedoktoran*, Hawaii: University of Hawaii, 1988. hlm. 412-32.

Pertambahan kapasitas perdagangan Kedah Tua pada kurun ke-10 M berkait rapat dengan perkembangan kuasa Suvarnabhumi yang menjadi pengganti kepada Srivijaya. Percaturan politik dan ekonomi kerajaan Suvarnabhumi yang bersifat lebih agrasif di dalam dasar ekonomi perdagangannya.²⁶ Diketahui bahawa Suvarnabhumi akan menyerang kapal-kapal yang tidak singgah di pelabuhannya, dan kemungkinan faktor ini membawa kepada perkembangan ekonomi yang pesat di Kedah Tua.

Di samping pelabuhan Kedah Tua, pelabuhan lain yang berkembang hasil daripada dasar talasokrasi Srivijaya ialah pelabuhan Takuapa di Selatan Thai. Di pelabuhan tersebut, ditemui banyak seramik zaman Dinasti T'ang dan Sung awal.²⁷ Walau bagaimanapun, tidak ditemui seramik-seramik selepas daripada zaman Sung awal dan ini selalu melambang kemerosotan pelabuhan tersebut. Kemerosotan pelabuhan tersebut bertindih dengan zaman kebangkitan kerajaan Suvarnabhumi pada kurun ke-10 Masehi. Kemungkinan pelabuhan Takuapa merosot kerana kerajaan Suvarnabhumi lebih menekankan pelabuhan Kedah Tua.

Kesimpulan

Dari kurun ke-6 ke penghujung kurun ke-7 M, keadaan politik dan sosioekonomi di perairan Semenanjung Tanah Melayu berada di dalam keadaan yang tidak teratur. Kebangkitan kerajaan Srivijaya dan Suvarnabhumi telah mengubah corak politik dan sosioekonomi di Semenanjung Tanah Melayu. Hegemoni kerajaan Srivijaya-Suvarnabhumi telah membawa kepada pembangunan sosioekonomi dan perdamaian melalui pengaruh politik dan ekonominya di Semenanjung Tanah Melayu.

Dasar perluasan kuasa yang diamalkan oleh Srivijaya-Suvarnabhumi telah membawa kepada penstrukturan politik di Semenanjung Tanah Melayu.

²⁶ K. A. Nilakantha Sastri, "Srivijaya", *BEFEO*, xl, 1940h, hlm, hlm. 294.

²⁷ Lamb, Alastair, "Miscellaneous papers on early Hindu and Buddhist settlements in northern Malaya and Southern Thailand" dalam *FMJ*, 6, 1961, hlm. 75.

Dengan penstrukturan tersebut, negara-negara kota tersebut mengamalkan satu dasar tunggal yang ditentukan oleh pemerintahan pusat. Hal ini seterusnya membawa kepada kewujudan satu entiti politik yang kuat, dan dapat melaksana dan menguatkuasakan sebarang dasar perdagangan terhadap pedagang-pedagang asing.

Pada masa yang sama, hegemoni politik dan ekonomi Srivijaya-Suvarnabhumi membawa kepada kestabilan politik di pesisir Selat Melaka, apabila cuma wujud satu kuasa tunggal yang menentukan arah tuju percaturan politik dan sosioekonomi di sana. Walaupun kadang kala mungkin wujud pemberontakan ataupun ancaman dari luar, namun kewujudan negara-negara kota yang bersekutu di bawah satu pemerintahan membawa kepada kewujudan satu kuasa politik yang efektif di dalam menjamin kedamaian dan pembangunan sosioekonomi nusantara.